



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan tetap di Kampus Shah Alam dan Cawangan bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

### I. JAWATAN

BIL	JAWATAN	GREDE	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI				
1	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (BIDANG: MULTIMEDIA)	F29	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	P1T1	RM1544.86	-	P1T21	RM3034.66
				P2T1	RM1615.95	-	P2T21	RM3237.37
				P3T1	RM1690.06	-	P3T21	RM3415.79
2	JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	U29	Juruteknologi Makmal Perubatan	P1T1	RM1160.69	-	P1T27	RM3057.39
				P2T1	RM1231.78	-	P2T27	RM3279.74
				P3T1	RM1305.89	-	P3T27	RM3476.28
3	JURUPULIH PERUBATAN	U29	Jurupulih Perubatan	P1T1	RM1160.69	-	P1T27	RM3057.39
				P2T1	RM1231.78	-	P2T27	RM3279.74
				P3T1	RM1305.89	-	P3T27	RM3476.28
4	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN	U29	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran	P1T1	RM1160.69	-	P1T27	RM3057.39
				P2T1	RM1231.78	-	P2T27	RM3279.74
				P3T1	RM1305.89	-	P3T27	RM3476.28
5	PEGAWAI KERJA AKAUN	W27	Penolong Akauntan	P1T1	RM1209.09	-	P1T26	RM3031.64
				P2T1	RM1278.67	-	P2T26	RM3217.79
				P3T1	RM1351.27	-	P3T26	RM3409.80
6	PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	S27	Penolong Pegawai Belia dan Sukan	P1T1	RM1204.55	-	P1T26	RM3027.10
				P2T1	RM1274.13	-	P2T26	RM3213.25
				P3T1	RM1346.73	-	P3T26	RM3405.26
7	AHLI FOTOGRAFI	B27	Ahli Fotografi	P1T1	RM1210.60	-	P1T26	RM3033.15
				P2T1	RM1280.18	-	P2T26	RM3219.30
				P3T1	RM1352.78	-	P3T26	RM3411.31
8	PEMBANTU VETERINAR	G17	Pembantu Veterinar	P1T1	RM824.91	-	P1T24	RM2155.88
				P2T1	RM876.34	-	P2T24	RM2277.03
				P3T1	RM929.28	-	P3T24	RM2402.48
9	PEMBANTU PENERBITAN	N17	Pembantu Penerbitan	P1T1	RM820.38	-	P1T24	RM2151.35
				P2T1	RM871.81	-	P2T24	RM2272.50
				P3T1	RM924.75	-	P3T24	RM2397.95
10	PEMBANTU PEMULIHARAAN	S17	Pembantu Pemuliharaan	P1T1	RM820.38	-	P1T24	RM2151.35
				P2T1	RM871.81	-	P2T24	RM2272.50
				P3T1	RM924.75	-	P3T24	RM2397.95
11	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	W17	Pembantu Tadbir (Kewangan)	P1T1	RM821.89	-	P1T24	RM2152.86
				P2T1	RM873.32	-	P2T24	RM2274.01
				P3T1	RM926.26	-	P3T24	RM2399.46

12	PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN	U17	Pembantu Pembedahan Pergigian	P1T1	RM862.73	-	P1T17	RM1711.21
				P2T1	RM914.16	-	P2T17	RM1809.64
				P3T1	RM967.10	-	P3T17	RM1912.44
13	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	Pengawal Keselamatan	P1T1	RM740.62	-	P1T21	RM1714.26
				P2T1	RM783.09	-	P2T21	RM1802.40
				P3T1	RM827.19	-	P3T21	RM1892.17
14	OPERATOR LOJI	R3	Operator Loji	P1T1	RM701.42	-	P1T17	RM1354.86
				P1T2	RM743.89	-	P2T17	RM1423.41
				P1T3	RM787.99	-	P3T17	RM1493.59

## II. SYARAT LANTIKAN

### 1) PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (BIDANG : MULTIMEDIA) (GRED F29)

- (a) (i) diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29: P1T1); ATAU

- (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29: P1T2);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas.

NOTA :

Keutamaan diberi kepada calon di dalam bidang multimedia.

### 2) JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN (GRED U29)

- (a) Diploma Teknologi Makmal Perubatan daripada Kolej Teknologi Makmal Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3) **JURUPULIH PERUBATAN (GRED U29)**

- (a) (i) Diploma Jurupulih Cara Kerja atau Diploma Fisioterapi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6); ATAU
- (ii) Diploma Jurupulih Cara Kerja (Occupational Theraphy) daripada London School of Occupational Theraphy yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T7);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

NOTA :

Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya satu tahun di dalam bidang berkaitan.

4) **PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN (GRED U29)**

- (a) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas.

5) **PEGAWAI KERJA AKAUN (W27)**

- (a) (i) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1T5); ATAU
- (ii) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1T8).

DAN

- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; ATAU  
(ii) lulus Peperiksaan Khas.

#### 6) PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN (GRED S27)

- (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ATAU  
(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27 : P1T5);

DAN

- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan-kegiatan belia dan sukan).

#### Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Belia dan Sukan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; ATAU  
(ii) lulus Peperiksaan Khas.

#### 7) AHLI FOTOGRAFI (GRED B27)

Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/atau kamera filem atau seni lukis.

(Gaji permulaan minimum ialah pada Gred B27: P1T5)

#### Ujian Khas

Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**8) PEMBANTU VETERINAR (G17)**

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T1); atau
- (ii) Sijil Veterinar daripada Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T8).

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**9) PEMBANTU PENERBITAN (GRED N17)**

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ATAU
- (ii) sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T6); ATAU
- (iii) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : P1T9);

DAN

- (b) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil pada peringkat peperiksaan tersebut; ATAU
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut serta penguasaan bahasa yang tinggi dalam bahasa-bahasa lain yang berkenaan.

**10) PEMBANTU PEMULIHARAAN (GRED S17)**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**11) PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) (GRED W17)**

- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik atau Perdagangan atau Akaun pada peringkat peperiksaan tersebut; ATAU
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1T2); ATAU
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1T5); ATAU
- (iv) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1T9);

DAN

- (b) Kejujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**12) PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN (GRED U17)**

- (a) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; DAN
- (ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Pembantu Pembedahan Pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan;

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Atendan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) di atas.

**13) PENGAWAL KESELAMATAN (GRED KP11)**

- (a) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
- (ii) bekas Konstabel Polis DiRaja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;

- (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg. bagi lelaki dan 46kg. bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm semasa menarik nafas 84 sm (lelaki sahaja);
  - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; DAN
  - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

DAN

- (c) calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) (i) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; ATAU
- (ii) lulus Peperiksaan Khas.

#### 14) OPERATOR LOJI (GRED R3)

- (a) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
- (ii) sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Pembakaran Dalam (I.C) Gred II atau Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Stim/Dandang Gred II mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- (iii) berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi yang mana berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R3: P1T3);

DAN

- (b) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

#### Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (a) (ii) dan (iii) di atas.
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### III. UMUR

- a. Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- b. Calon-calon kenaikan pangkat secara lantikan hendaklah berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### IV. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan sesalinan rekod kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini berserta dengan borang permohonan secara 'online' yang telah dicetak.
- b. Hanya permohonan yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga.
- c. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di kampus-kampus cawangan.
- d. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

### V. CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

#### a. Untuk Bukan Staf UiTM

Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman web UiTM di <http://iapps.uitm.edu.my/epengambilanstaf/> dan membuat permohonan secara atas talian ("ON-LINE") sahaja dengan mengisikan maklumat yang diperlukan.

#### b. Untuk Staf UiTM sahaja

Permohonan dari Staf UiTM berstatus tetap/kontrak/semntara di mana perantikan dibuat melalui Bahagian Pengurusan Perjawatan UiTM, hendaklah dibuat melalui sistem aplikasi atas talian ("ON-LINE") melalui bnPortal I-Staf -> eProses & Sistem Sokongan -> ePengambilan Staf.

Tarikh tutup permohonan ialah pada hari Jumaat, 10 Oktober 2008.



**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

BAHAGIAN PENGURUSAN PERJAWATAN  
PEJABAT PENDAFTAR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
NO. TEL: (03) 5544 3089/3090/3092/3093  
(03) 55211613  
EMAIL: [perjawatan@salam.uitm.edu.my](mailto:perjawatan@salam.uitm.edu.my)

[Iklan Jawatan Pentadbiran/azura/09/09/2008](#)